



UMP, PKNP jalin kerjasama dalam merencanakan industri tenunan Pahang

Dalam merencanakan lagi industri tenunan Pahang di Malaysia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memetri kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) untuk menyumbang kepakaran bersempena perasmian Pusat Kecemerlangan Tenun Pahang Diraja Tunku Azizah di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja Sultan Haji Ahmad Shah, Kampung Soi Kuantan pada 23 Mei 2012 yang lalu.

Majlis MoU itu menyaksikan UMP diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus manakala PKNP diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Haji Lias Mohd. Noor.

Hadir menyaksikan majlis,

Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob dan Pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Pelancongan, Warisan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Pahang, Dato' Shafik Fauzan Sharif.

Semasa menyampaikan ucapan, Dato' Sri Diraja Haji Adnan menyarankan agar penyelidikan perlu dibuat dalam mengenal pasti kaedah dalam memastikan agar industri tenun ini boleh dipasarkan dengan secara besar-besaran, dapat disiapkan dalam tempoh yang pendek serta dapat dijual dengan harga yang lebih murah.

Beliau turut mencadangkan agar mempelbagaikan produk hasil tenunan ini, sebagai contohnya dibuat beg, alas kerusi dan kasut. Selain



menekankan kepentingan jenama, beliau mengharapkan agar hasil ciptaan produk ini perlu segera dipaten untuk keselamatan dan perlindungan harta intelek.

Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus ketika ditemui berkata, kerjasama ini melibatkan sumbangan kepakaran dua penyelidik UMP iaitu Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah bagi mengekalkan warna benang menggunakan bahan biojisim seperti kulit buah naga.

"Seorang lagi melibatkan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) iaitu Profesor Madya Dr. Zularisam Ab. Wahid bagi merawat hasil sisa industri tenun menggunakan mesin membrane bio-reactor (MBR)

bagi memastikan air sisa yang dilepaskan ini selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar," katanya yang turut memaklumkan kerjasama ini turut melibatkan pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Perbadanan Kraftangan Malaysia dan SIRIM Berhad.

Dalam majlis yang sama penyelidik dan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim hadir menerima watakah pelantikan sebagai ahli Majlis Eksekutif Kecemerlangan Tenun Pahang Diraja.

Lebih 500 orang yang hadir turut berpeluang menyaksikan pelancaran Blueprint 2012-2016 dan melawat aktiviti tenunan sekitar kompleks.